

13 OCT 1997

Ramli - Tanah

TINDAKAN TEGAS KEPADA PENEROKA TANAH HARAM

IPOH, 13 Okt (Bernama) -- Kerajaan Perak akan mengambil tindakan tegas terhadap peneroka tanah haram supaya perbuatan tidak bertanggungjawab itu tidak terus berleluasa tanpa kawalan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata sekiranya penerokaan tanah seumpama itu dibiarkan sewenang-wenangnya, dikhuatiri setiap tanah lapang termasuk milik orang lain akan diusahakan.

Beliau memberitahu pemberita selepas Perhimpunan Bulanan ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan Kerajaan Negeri di perkarangan Bangunan Darul Ridzuan di sini hari ini.

Katanya, masalah penerokaan tanah secara haram yang berlaku masih terkawal dan tidak terlalu serius kerana kebanyakan kes itu bertujuan mendirikan rumah serta kegiatan mengambil tanah merah dan pasir.

Kerajaan belum mengenal pasti secara terperinci kawasan yang diterokai secara haram itu dan berharap semua agensi kerajaan termasuk polis dan tentera mengawasi dan membuat laporan sekiranya terdapat tanah milik kerajaan yang diteroka tanpa kebenaran, katanya.

Mengenai larangan penerokaan tanah kerajaan secara haram di kalangan Orang Asli, beliau berkata, penerokaan tanah seumpama itu di kalangan segelintir kaum berkenaan merupakan amalan hidup mereka.

"Walaupun kita menggalakkan Orang Asli memiliki tanah mengikut peraturan, namun terdapat segelintir daripada mereka mengamalkan amalan hidup tradisi termasuk meneroka tanah tanpa kebenaran," katanya.

Sementara itu beliau juga berkata, semua jabatan termasuk agensi kerajaan negeri akan menggunakan Proton Perdana sebagai kereta rasmi selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai langkah berjimat cermat.

Beliau sendiri akan menggunakan kereta nasional itu setelah kereta rasmi sekarang sudah empat tahun digunakan, tempoh yang dibenarkan sebelum boleh menukar kereta yang baru.

Namun bagi ketua jabatan yang layak, mereka boleh terus menggunakan kereta lama sekiranya enggan menukar kereta mereka kepada Proton Perdana, katanya.

Amalan menggunakan kereta nasional itu akan diteruskan walaupun keadaan ekonomi kembali pulih, katanya. -- BERNAMA

RZS oba